

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

PEMINDAHAN GAYA BAHASA *ĪJĀZ* BERDASARKAN OPERASI PEMINDAHAN EKSPLISITASI KLAUDY DAN KÁROLY

TRANSLATION OF *ĪJĀZ* LANGUAGE STYLE BASED ON KLAUDY AND KÁROLY'S TRANSFER OPERATIONS

Mukhlis Rosli*¹; Nasimah Abdullah ²; Lubna Abd Rahman ³

¹ Islamic Department, Faculty of Education and Social Sciences, University Selangor, Malaysia.
Email: mukhlis@unisel.edu.my

² Department of Arabic Language and Linguistics Studies, Faculty of Islamic Civilisation Studies, The Selangor Islamic University, Malaysia. Email: nasimah@kuis.edu.my

³ Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia.
Email: lubna@usim.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/266>

Abstract

Failure to address the implicit meaning can impact the translation outcomes. A shift in translation from implicit meaning in the source language to explicit meaning in the target language is called explicitation. In Arabic rhetoric, *ījāz* is one of the language styles that combine multiple meanings with simple words. This linguistic characteristic has the potential to cause a lengthy translation. Experienced or inexperienced translators tend to do explicitation by transferring most of the implicit meanings in the source text into the target text. This study aims to analyze the transfer of the *ījāz* al-Quran language style to the Malay language based on Klaudy and Károly's Transfer Operations. This study adopted a qualitative method and carried out a content analysis technique to analyze the Quranic *ījāz* as stated in al-Sayyid al-Husaini's book. In addition, six Arabic rhetoric books were utilized as supporting sources to screen the data of *ījāz* through cross-checking techniques. Subsequently, the data were analyzed based on the standard transfer operations proposed by Klaudy and Károly. The research's findings reveal that the most common explicitation strategy that was widely used in this study was lexical addition. It is also found that the operation of grammatical elevation was significantly applied in this study. This operational feature, which raises phrases to clause level, makes this operation easily recognizable. This study also uncovered two new operations in explicitation strategies, namely lexical repetition and addition of dialogue elements. This study reveals the potential approaches that translators can use when interacting with implicit meaning, hence helping to find relevant solutions in dealing with the transfer of implicit meaning, especially from Arabic rhetoric perspective.

Keywords: Explication, implicit and explicit, lexical addition, lexical specification, Quran translation

Abstrak

Kegagalan menangani pemindahan makna implisit boleh memberi kesan kepada teks terjemahan yang dihasilkan. Perubahan makna implisit bahasa sumber kepada makna eksplisit dalam bahasa sasaran disebut sebagai eksplisitasi. Dalam retorik bahasa Arab, *ījāz* merupakan salah satu gaya bahasa yang menggabungkan banyak makna dengan kata-kata yang ringkas. Ciri bahasa ini berpotensi menyebabkan berlakunya huraian panjang dalam bahasa sasaran. Penterjemah sama ada yang berpengalaman mahupun tidak adalah cenderung memindahkan makna implisit daripada teks sumber ke dalam teks sasaran. Oleh demikian kajian menasaskan untuk menganalisis pemindahan Makna gaya bahasa *ījāz* al-Quran kepada bahasa Melayu berdasarkan operasi eksplisitasi Klaudy dan Károly. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan kaedah analisis kandungan. Data kajian terdiri daripada sejumlah gaya bahasa *ījāz* al-Quran yang diperolehi daripada kitab al-Sayyid al-Husaini. Data dalam sumber utama ini kemudian disaring dengan enam kitab retorik Arab yang lain sebagai sumber sokongan data melalui teknik semakan silang. Data tersebut kemudian dianalisis berdasarkan operasi pemindahan standard Klaudy & Károly. Dapatan kajian menunjukkan bahawa operasi penambahan leksikal merupakan operasi yang sering dipraktikkan dalam teks terjemahan kajian. Operasi yang dapat dikesan dengan ketara pula ialah pengembangan tatabahasa. Ciri operasinya yang berbentuk perubahan frasa kepada klausa menjadikan teknik operasi ini dapat dikesan dengan mudah dalam teks terjemahan. Kajian juga menemukan dua operasi baharu dalam strategi eksplisitasi iaitu pengulangan leksikal dan penambahan elemen dialog. Kajian ini memberi pendedahan tentang potensi pendekatan yang boleh digunakan penterjemah semasa berinteraksi dengan makna implisit, seterusnya membantu mendapatkan solusi yang relevan dalam menangani pemindahan makna implisit khususnya dari aspek retorik Arab.

Kata kunci: Eksplisitasi, implisit dan eksplisit, penambahan leksikal, penentuan leksikal, terjemahan al-Quran

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 8th September 2023, revised 3rd October 2023, accepted 30th October 2023

Pengenalan

Bentuk eksplisit dan implisit ada kalanya dibincangkan bersama dengan topik penambahan dan pengurangan (Vinay & Darbelnet, 1995)¹. Sebahagian sarjana pula melihat ‘penambahan’ adalah bersifat lebih umum berbanding dengan konsep eksplisitasi yang lebih spesifik (Nida, 1964)². Eksplisitasi merupakan perubahan daripada makna implisit yang terdapat dalam bahasa sumber kepada makna eksplisit dalam bahasa sasaran (Murtisari, 2013)³.

Strategi eksplisitasi berlaku apabila penterjemah menghadapi kekangan dalam memindahkan makna teks sasaran, oleh itu penterjemah mengambil jalan keluar dengan menjelaskan atau merumuskan makna teks sasaran dalam usaha memudahkan penyampaian mesej kepada pembaca (Mansour et al., 2014)⁴. Pada dasarnya, penterjemah perlu mencari pendekatan yang sesuai bagi mengimbangi bentuk pemindahan makna implisit dan eksplisit. Kegagalan menangani makna implisit dan eksplisit boleh mengundang hasil terjemahan yang kelihatan janggal kepada pembaca (Susini, 2020: 63)⁵.

Penterjemah juga perlu memahami faktor-faktor yang mendorong terbentuknya makna implisit dan eksplisit. Larson (1984: 44)⁶ berpendapat bahawa terdapat tiga sebab terjadinya makna implisit, iaitu apa yang disebut beliau sebagai maklumat yang terpisah dan mencakupi bahagian lain (*referential*), sistem bahasa sumber (*organizational*) dan maklumat yang dikongsi bersama dalam situasi komunikasi (*situational*). Ketiga-tiga faktor yang digariskan tersebut menunjukkan bahawa selain pemahaman tentang makna leksikal, pemahaman juga perlu diarahkan kepada struktur dan sistem binaan bahasa.

Operasi pemindahan eksplisitasi terjadi apabila situasi umum yang terdapat dalam teks sumber digantikan dengan makna spesifik dalam teks sasaran (Klaudy & Károly, 2005: 15; Krüger, 2013: 297)^{7,8}. Ilmu retorik Arab menjadi salah satu faktor penting yang mendorong terbentuknya eksplisitasi (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2015: 202)⁹. Teks al-Quran yang sarat dengan ilmu retorik Arab menyebabkannya tidak terlepas daripada perkaitan makna implisit atau konotatif (Abdussalam, 1999; Majdi Ibrahim & Saupi Man, 2008)^{10,11}. Ujaran ringkas dengan makna yang padat dalam bahasa Arab menyebabkan suatu perkataan tidak dapat dipindahkan melainkan dengan huraian yang panjang (Akmal Khuzairy Abd. Rahman, 2016: 35)¹² serta dapat mengganggu fokus pembaca dalam memahami maksud sebenar (Demir, 2019: 500)¹³.

Konsep eksplisitasi pada dasarnya mempunyai persamaan dengan ilmu retorik Arab dari aspek gaya bahasa *ījāz* (ungkapan ringkas). Dalam beberapa situasi, maklumat perlu disampaikan dengan cara yang ringkas walaupun terdapat banyak makna yang ingin disampaikan (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2015: 57)⁹. Maklumat yang berbentuk ringkas dan panjang lebar ini perlu diberi perhatian. Ini kerana salah satu kesalahan yang sering dilakukan dalam penulisan adalah penggunaan kata secara berlebihan (Aziz et al., 2016)¹⁴.

Penterjemah sama ada yang berpengalaman mahupun tidak adalah cenderung memindahkan atau menterjemahkan bentuk elepsis daripada teks sumber kepada teks sasaran (Raoufkazemi et al., 2020: 154)¹⁵. Implikasi daripada penterjemahan secara lewah ini boleh menyebabkan pembaca merasa terganggu lantaran maklumat lain secara berlebihan yang telah dimasukkan oleh penterjemah (Suzani, 2023)¹⁶. Isu ini sejajar dengan pandangan yang dinyatakan oleh Heltai (2005)¹⁷ tentang hubungan yang erat antara makna elepsis dengan kelewahan teks. Kajian Suzani (2023)¹⁶ juga menunjukkan permasalahan ini dan mendapati bahawa penterjemah menggunakan pelbagai pendekatan dalam memindahkan bentuk implisit kepada eksplisit.

Kajian eksplisitasi dalam konteks terjemahan Arab-Melayu masih lagi baharu (Salmi Abdul Shukor et al., 2020; Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2015)^{18,9}. Antara kajian yang pernah dijalankan ialah kajian Syed Nurulakla Syed Abdullah (2015)⁹ melalui set dialog dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Battutah*', kajian Rose 'Afidah Md Taib (2019)¹⁹ dalam penterjemahan novel "*Ustaz*", kajian Nasimah Abdullah et al. (2019)²⁰ dalam penterjemahan ayat

mutashābihāt al-Quran, kajian Salmi Abdul Shukor et al. (2020)¹⁸ melalui peribahasa Arab-Melayu dalam buku ‘*kalilah wa dimnah*’ dan kajian Idris Mansor (2021)²¹ berdasarkan penterjemahan budaya. Kajian-kajian yang dinyatakan tersebut dilihat masih belum memberikan tumpuan sepenuhnya pada terjemahan gaya retorik al-Quran, khususnya gaya bahasa *ījāz* yang bercirikan makna implisit. Oleh itu, kajian ini menyasarkan untuk menganalisis pemindahan makna gaya bahasa *ījāz* al-Quran kepada bahasa Melayu berdasarkan operasi eksplisitasi Klaudy dan Károly (2005)⁷.

Konsep Eksplisitasi dalam Pemindahan Makna

Implisit menurut Murtisari (2013: 316)² membawa maksud sesuatu yang berbentuk secara tidak langsung, iaitu hasil kesimpulan daripada suatu bahagian yang lain. Bentuk implisit dan eksplisit merupakan ciri bahasa, manakala eksplisitasi pula merupakan teknik terjemahan yang menjadikan bahasa sasaran mengandungi makna lebih eksplisit daripada makna implisit dalam bahasa sumber (Vinay & Darbelnet, 1995)¹. Jurang struktur antara dua bahasa yang berbeza adalah berpotensi menghasilkan terjemahan yang cenderung kepada eksplisitasi (Pápai 2004: 159)²².

Pemahaman mengenai konsep eksplisitasi boleh difahami dengan lebih jelas menerusi definisi yang dikemukakan oleh Metsenaere dan Vandepitte (2017: 403)²³:

“Explicitation is the result of encoding developed or inferred conceptual features from the explicatures and / or implicatures of utterance A in a new utterance, thus producing utterance B, some of whose assumptions can be shown to be more explicit (less implicit) than the assumptions of utterance A, given that utterances A and B refer to the same state of affairs when produced in a similar communicative situation.


Definisi tersebut menerangkan hubungan dan kaitan langsung antara ujaran A dengan ujaran B dengan merujuk keadaan yang sama dalam satu situasi komunikasi yang sama. Pym (2005)²⁴ berpandangan bahawa eksplisitasi merupakan satu bentuk penghindaran risiko yang terpaksa dihadapi penterjemah semasa memindahkan sesuatu bentuk komunikasi. Sebagai contoh, sebilangan besar bahasa mempunyai kaedah dan kata panggilan tersendiri. Sistem panggilan bahasa Melayu adalah lebih kaya dengan istilah-istilah tertentu berbanding dengan kata panggilan dalam bahasa Arab (Nasimah Abdullah et al., 2017)²⁵.

Dalam bidang retorik bahasa Arab, *ījāz* merupakan salah satu gaya bahasa yang menggabungkan banyak makna dengan kata-kata yang sedikit, jelas dan bersesuaian (al-Jarim & Amin, 1999: 242)²⁶. Dalam konteks bahasa Melayu, istilah *ījāz* dapat diterjemahkan sebagai ujaran ringkas (Azman Che Mat, 2018)²⁷, ungkapan ringkas (Mohd. Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezaj, 2013)²⁸ atau ayat ringkas (Abdul Wahid Salleh et al., 2016)²⁹. Manusia tanpa mengira latar belakang budaya, sosial dan kaum adalah lebih gemar berkongsi maklumat melalui pernyataan yang ringkas dan mudah difahami. Kecenderungan ini secara tidak langsung menyebabkan berlaku pengguguran sebilangan kata, frasa dan penghuraian maklumat (Ahmad Khan, 2017: 163)³⁰.

Oleh demikian kebanyakan sarjana bersetuju bahawa semasa proses pemindahan bahasa, fenomena eksplisitasi mempunyai kekerapan kejadian yang lebih tinggi (Pym, 2005: 8)²⁴. Bahkan ada sarjana yang berpandangan bahawa fenomena eksplisitasi merupakan ciri universal sesuatu


terjemahan tanpa mengambil kira perbezaan sistem linguistik yang terdapat antara dua bahasa (Blum-Kulka, 1986)³¹. Penterjemah kebanyakannya juga didapati tidak bersikap sedar semasa memindahkan maklumat berbentuk eksplisitasi (Hjort-Pedersen & Faber, 2010: 249)³². Walaupun pemindahan antara dua bahasa berkait rapat dengan konsep universal eksplisitasi, namun ia tidak berbentuk kelaziman dalam setiap pemindahan bahasa (Mukhlis Rosli et al., 2021)³³.

Becher (2010: 25)³⁴ cenderung kepada kajian Klaudy dan Károly (2005)⁷ yang tidak mendakwa seperti hipotesis Blum-Kulka (1986)³¹ yang menyatakan bahawa eksplisitasi sentiasa melebihi implisitasi dalam apa jua situasi. Klaudy dan Károly (2005: 15)⁷ menghuraikan elemen eksplisitasi secara terperinci melalui pembahagian ciri eksplisitasi. Ciri eksplisitasi terjadi apabila: unit bahasa sumber yang mempunyai makna lebih umum digantikan dengan makna lebih spesifik dalam bahasa sasaran; makna satu unit bahasa sumber dibahagikan kepada beberapa unit dalam bahasa sasaran; penambahan elemen makna baharu dalam teks bahasa sasaran; satu struktur bahasa sumber dikembangkan kepada dua atau lebih dalam bahasa sasaran; frasa bahasa sumber diperkembangkan menjadi klausa dalam bahasa sasaran.



Rajah 1. Ciri eksplisitasi Klaudy dan Károly (2005)⁷

Berpandukan ciri eksplisitasi tersebut, Klaudy dan Károly (2005: 15)⁷ mengemukakan operasi pemindahan standard eksplisitasi. Operasi pemindahan yang melibatkan eksplisitasi ialah; penentuan leksikal; pembahagian leksikal; penambahan leksikal; penentuan tatabahasa; pengembangan tatabahasa (*grammatical elevation -raising-*); penambahan tatabahasa.



Rajah 2. Operasi pemindahan standard Klaudy dan Károly (2005)⁷

Menurut Becher (2010: 25)³⁴, teori Klaudy dan Károly (2005)⁷ mampu menggantikan hipotesis Blum-Kulka (1986)³¹ yang telah sekian lama mendominasi kajian eksplisitasi. Justifikasi pandangan Becher (2010)³⁴ tersebut rentetan kajian Klaudy dan Károly (2005)⁷ tidak membuat dakwaan seperti hipotesis Blum-Kulka (1986)³¹ bahawa hasil eksplisitasi sentiasa melebihi dalam setiap keadaan. Hasil perbincangan menunjukkan bahawa Klaudy dan Károly (2005)⁷ telah mengemukakan satu proses yang lengkap dalam langkah mengenal pasti bentuk eksplisitasi.

Metodologi

Teks terjemahan kajian terdiri daripada dua versi terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu. Versi terjemahan satu ialah Terjemahan Al-Kamil terbitan Telaga Biru, manakala versi terjemahan dua ialah Terjemahan Al-Quran al-Karim Rasm Uthmani terbitan *Al-Hidayah House of Qur'an*. Justifikasi penentuan kedua-dua teks terjemahan tersebut didorong oleh hasil karyanya yang disempurnakan secara kolektif melibatkan sejumlah ahli akademik dan merupakan cetakan terkini pada 2019 yang berada di pasaran berbanding versi terjemahan lain.

Kajian ini juga tidak menganalisis secara khusus perbezaan pendekatan dalam kedua-dua versi terjemahan. Sebaliknya kajian lebih memfokuskan teknik pemindahan yang berpotensi untuk dilakukan dalam terjemahan gaya bahasa *ijāz* menerusi kaca mata eksplisitasi.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan kaedah analisis kandungan (Bryman, 2012: 383)³⁵. Faktor pemilihan kualitatif disebabkan spesifikasi kajian yang menyasarkan untuk memahami secara mendalam berhubung strategi eksplisitasi. Ciri ini bersesuaian dengan bentuk data kualitatif yang memfokuskan penghuraian secara deskriptif, catatan verbal dan berdasarkan maklumat dokumentasi (Piaw, 2011: 7)³⁶.

Pemilihan data kajian menggunakan pensampelan rawak berkelompok yang merupakan satu teknik pensampelan bagi memilih sampel daripada populasi yang besar (Ahmad Sunawari Long, 2022: 92)³⁷. Data kajian terdiri daripada gaya bahasa *ījāz* al-Quran yang diperolehi berdasarkan kitab karangan al-Sayyid al-Husaini (2007)³⁸. Rasional pemilihan kitab ini disebabkan penulisannya yang hanya memfokuskan pada wacana al-Quran dengan tidak memasukkan elemen lain seperti bait syair, *mathal*, prosa atau puisi Arab. Proses pengumpulan gaya bahasa *ījāz* dalam sumber data kajian menemukan sebanyak 147 data *ījāz* yang terdapat dalam teks al-Quran. Jumlah data ini kemudian akan disaring dengan enam kitab rujukan retorik Arab yang lain. Keenam-enam rujukan tersebut ialah al-Hashimi (1999)⁴³, al-Jarim dan Amin (1999)²⁶, Lashin (2002)³⁹, Hassan Abbas (2004)⁴⁰, Fayud (1998)⁴¹ dan al-Maydani (1996)⁴².

Jadual 1

Enam sumber sokongan data

Bil	Nama Rujukan	Penulis
1	<i>Jawāhir al-Balāghah fī al-Ma'āni wa al-Bayān wa al-Badī'</i>	al-Hashimi (1999) ⁴³
2	<i>al-Balāghah al-Wāḍihah</i>	al-Jarim & Amin (1999) ²⁶
3	<i>al-Ma'āni fī Daw Asālīb al-Qurān al-Karīm</i>	Lashin (2002) ³⁹
4	<i>al-Balāghah Funūnuha wa Afnānuha: 'Ilmu Ma'ānī</i>	Hassan Abbas (2004) ⁴⁰
5	<i>'Ilmu al-Ma'ānī Dirāsah Balāghiah wa-Naqdiah li-Masā'il al-Ma'ānī</i>	Fayud (1998) ⁴¹
6	<i>al-Balāghah al-'Arabiah Ususuhā wa 'Ulūmuhā wa Funūnuhā</i>	al-Maydani (1996) ⁴²

Justifikasi ketetapan enam kitab rujukan tersebut adalah berbalik kepada bentuk persembahan gaya bahasa *ījāz* yang tersusun di satu bab sahaja dan tidak disekalikan dengan aspek retorik bahasa yang lain. Demikian juga pengkategorian jenis gaya bahasa *ījāz* dalam keenam-enam kitab yang seragam dan hampir sama antara satu sama lain. Ditambah dengan sumber rujukannya yang kerap kali dijadikan panduan asas dalam pembelajaran ilmu retorik Arab masa kini.

Ini bermakna data *ījāz* dalam sumber utama kajian (al-Sayyid al-Husaini, 2007)³⁸ akan dipadankan dengan kelompok data yang terdapat pada setiap satu daripada enam kitab rujukan retorik Arab. Proses ini menggunakan teknik semakan silang (*cross checking*) terhadap maklumat yang dipungut daripada sumber utama kepada sumber sokongan kajian. Hasil maklumat yang sama antara kedua-dua sumber tersebut merupakan data bahan analisis kajian. Langkah ini dilakukan bagi memperolehi data yang mempunyai kesahan tinggi yang dapat menjamin dapatan sebenar kajian.

Hasil saringan menemukan sebanyak 54 data *ījāz* yang mempunyai sokongan dalam enam rujukan retorik Arab. Hasil analisis data kemudian akan disahkan melalui proses kesahan yang terdiri daripada dua orang pakar yang dilantik. Proses kesahan kajian merupakan kesahan kandungan terhadap analisis strategi eksplisitasi dalam penterjemahan gaya bahasa *ījāz*. Langkah

ini penting kerana bahagian analisis atau interpretasi data ialah skop utama yang perlu diberikan penekanan dalam mana-mana penyelidikan khususnya berkaitan penterjemahan.

Dapatan

Dapatan kajian akan dibahagikan kepada beberapa teknik atau operasi pemindahan sebagaimana yang telah diutarakan oleh Klaudy dan Károly (2005)⁷. Perincian setiap operasi berdasarkan hasil analisis kajian adalah seperti berikut:

Penambahan Leksikal

Operasi penambahan leksikal eksplisitasi dapat dikenal pasti apabila terjadi apabila wujud penambahan elemen makna baharu dalam teks bahasa sasaran (*when new meaningful elements appear in the TL text*). Analisis kajian menemukan sejumlah 14 data melibatkan operasi penambahan leksikal. Berikut merupakan salah satu data dalam operasi penambahan leksikal.

وَسَلِّ الْقَرْيَةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا وَالْعَيْرَ الَّتِي أَقْبَلْنَا فِيهَا

(Surah *Yūsuf* 12: 82)

T.1 Versi Terjemahan Al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan Al-Hidayah
"Dan bertanyalah kepada penduduk negeri (Mesir) tempat kami tinggal (berdagang) dan kepada kafilah yang datang bersama kami.	Dan tanyalah penduduk negeri (Mesir) tempat kami berada di situ dan kafilah yang datang bersama kami.

Ayat di atas merupakan ungkapan anak Nabi Ya'akub a.s. kepada bapa mereka setelah pulang dari negeri Mesir. Makna implisit gaya bahasa *ijāz* dalam ayat ini terletak pada kalimah “القريّة / العير” yang merujuk makna “أهل القرية” dan “أصحاب العير”. Pengguguran ini bertujuan untuk memberi penekanan terhadap ciri ayat yang berbentuk penegasan, iaitu seakan-akan satu gesaan untuk menanyakan sekalian penduduk negeri Mesir pada ketika itu (al-Sayyid al-Husaini, 2007; Hassan Abbas, 2004; Fayud, 1998)^{38,40,41}.

Kalimah pertama (القريّة) dalam kedua-dua versi terjemahan telah diterjemahkan kepada “*penduduk negeri (Mesir)*”, sekalipun kalimah tersebut pada asalnya membawa maksud kampung atau kediaman (Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, 2006: 1871)⁴⁴. Demikian juga kalimah kedua (العير) yang diterjemahkan kepada “*kafilah*”, meskipun kalimah ini merujuk kepada makna barang dagangan (Kamus Besar Dewan Arab-Melayu, 2006: 1644)⁴⁴.

Teknik eksplisitasi dalam kedua-dua versi terjemahan ini merupakan operasi penambahan leksikal yang bercirikan elemen makna baharu (+*penduduk negeri* / +*kafilah*). Menurut Ali et al. (2012: 589)⁴⁵, pengguguran kata (*penduduk*) dalam ayat ini tidak mengubah maksud sebenar ayat. Namun begitu, bentuk elipsis ini adalah lebih sesuai untuk diterjemahkan bagi memberi kefahaman yang jitu kepada pembaca.

Penambahan Tatabahasa

Operasi penambahan tatabahasa eksplisitasi dapat dikenal pasti apabila berlaku penambahan tatabahasa (*grammatical addition*) yang jelas dalam teks sasaran. Analisis kajian menunjukkan sejumlah sembilan data terdiri daripada operasi penambahan tatabahasa. Berikut merupakan salah satu data dalam operasi penambahan tatabahasa.

أَذْهَبَ بِكِتَابِي هَذَا فَأَلْفَةً إِلَيْهِمْ ثُمَّ تَوَلَّى عَنْهُمْ فَأَنْظَرَ مَاذَا يَرَجِعُونَ ٢٨ قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ

(Surah *al-Naml* 27: 28-29)

T.1 Versi Terjemahan Al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan Al-Hidayah
28. "Pergilah bawakan suratku ini, campakkan kepada mereka kemudian berundurlah, lalu perhatikan apa tindak balas mereka. "	28. Pergilah dengan (membawa) suratku ini, lalu jatuhkanlah kepada mereka, kemudian berpalinglah daripada mereka, lalu perhatikanlah apa yang mereka bicarakan. "
29. (Setelah membaca surat itu), raja perempuan negeri Saba' berkata, "Wahai para pembesar!	29. Dia (Balqis) berkata: "Wahai para pembesar!

Ayat 28 dalam surah *al-Naml* mengisahkan perintah Nabi Sulaiman a.s. terhadap Hud-Hud untuk mengutuskan surat kepada raja Saba'. Manakala ayat 29 mengisahkan seruan dan panggilan raja Saba' kepada para pembesarnya setelah menerima surat kiriman dari Hud-Hud. Bentuk *tjāz* atau peringkasan antara kedua-dua ayat terdiri daripada beberapa kata kerja yang digugurkan, iaitu "pergi Hud-Hud kepada Raja perempuan negeri Saba', surat tersebut dicampakkan, lalu dia mengambil dan membacanya kemudian berkata ...". Struktur kata kerja ini tidak dipamerkan dalam teks sumber dan berbentuk implisit. Jenis pengguguran sebegini sering kali berlaku dalam al-Quran terutamanya apabila berkait dengan sesuatu bentuk penceritaan (al-Sayyid al-Husaini, 2007; Hassan Abbas, 2004; Fayud, 1998)^{38,40,41}.

Versi terjemahan dua memilih untuk tidak memasukkan makna implisit ayat. Sementara versi terjemahan satu meringkaskan makna implisit dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan "setelah" (*setelah membaca surat itu*). Penambahan kata hubung ini dapat meminimumkan maksud implisit ayat yang asalnya terdiri daripada beberapa kata kerja sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

Operasi pemindahan versi terjemahan satu ialah penambahan tatabahasa dengan memasukkan kata hubung yang menghubungkan unsur wacana dalam teks sasaran (... +*setelah membaca surat itu* ...). Walau bagaimanapun, eksplisitasi ini berbentuk pilihan kerana kedua-dua versi terjemahan pada akhirnya masih boleh menyampaikan makna teks sumber sekalipun berbeza pendekatan dalam mewujudkan kohesi wacana ayat.

Pengembangan Tatabahasa

Operasi pengembangan tatabahasa eksplisitasi boleh dikenal pasti apabila satu frasa bahasa sumber dikembangkan menjadi klausa dalam bahasa sasaran. Lazimnya, ciri ini dapat dikesan dengan mudah kerana penambahannya yang bersifat ketara melalui pemasukan klausa atau struktur ayat dalam teks sasaran. Analisis mencatatkan sejumlah 10 data kajian yang berkait

dengan operasi pengembangan tatabahasa. Berikut merupakan salah satu daripada data dalam operasi pengembangan tatabahasa.

وَالَّذِينَ نَزَّلْنَا غُرْفًا ۖ وَالَّذِينَ نَشِطًا ۖ وَالَّذِينَ سَبَّحًا ۖ وَالَّذِينَ سَبَّحًا ۖ وَالَّذِينَ سَبَّحًا ۖ وَالَّذِينَ سَبَّحًا ۖ
 ٤ فَأَلْمَدَّتْ أَمْرًا ٥ يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ ٦

(Surah *al-Nāzi'āt* 79: 1-6)

T.1 Versi Terjemahan Al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan Al-Hidayah
1. Demi (para malaikat) yang mencabut nyawa dengan keras.	1. Demi (malaikat) yang mencabut (nyawa) dengan keras
2. Demi (para malaikat) yang mencabut nyawa dengan lembut.	2. Demi (malaikat) yang mencabut (nyawa) dengan lemah-lembut
3. Demi (para malaikat) yang cepat bergerak (menerima perintah).	3. Demi (malaikat) yang turun dari langit dengan cepat.
4. Demi (para malaikat) yang mendahului dengan kencang.	4. Dan demi (malaikat) yang mendahului dengan kencang
5. Demi (para malaikat) yang mengatur urusan (dunia).	5. Dan demi (malaikat) yang mengatur urusan (dunia).
6. Pada hari berlakunya tiupan sangkakala yang pertama yang menggoncangkan alam.	6. <u>(Sesungguhnya kamu akan dibangkitkan)</u> pada hari ketika tiupan pertama menggoncangkan alam.

Ayat ini merupakan sumpah Allah SWT melalui tugas para malaikat-Nya. Makna implisit berbentuk *tjāz* dalam ayat ini boleh diperhatikan pada ayat keenam yang digugurkan *jawāb qasm* pada awal ayat dengan makna “... لِتَبْعُنَّ” (*sesungguhnya kamu akan dibangkitkan ...*) (al-Sayyid al-Husaini 2007; al-Zamakhshyari 2009)^{38,46}.

Partikel sumpah “وَالنَّازِعَاتُ غُرْفًا” dalam ayat pertama menggunakan huruf *wāw qasm* yang diterjemahkan kepada “*demi*” dalam kedua-dua versi terjemahan. Kata “*demi*” dalam bahasa Melayu ialah kata sendi nama yang berperanan sebagai penegas dalam ungkapan dan digunakan sebelum kata nama (Nik Safiah Karim et al. 2015)⁴⁷.

Kehadiran huruf *wāw qasm* diikuti dengan huruf *ma'thūf wāw* dan *fā* setelahnya menyebabkan ayat ini memerlukan *jawāb qasm* bagi melengkapkan struktur ayat. Namun dalam ayat ini, *jawāb qasm* digugurkan dan dianggap sebagai makna implisit (al-Zamakhshyari 2009)⁴⁶. Hal ini menyebabkan kedua-dua versi terjemahan memilih pendekatan yang berbeza dalam mengungkapkan makna implisit *jawāb qasm* tersebut.

Versi terjemahan satu memilih untuk mengabaikan makna implisit *jawāb qasm*, sementara versi terjemahan dua menambah struktur dalam tanda kurung iaitu “*sesungguhnya kamu akan dibangkitkan*” yang diletakkan pada permulaan ayat keenam. Operasi pemindahan dalam versi terjemahan kedua disebut sebagai pengembangan tatabahasa dengan menjadikan satu ayat bahasa sumber (يوم تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ) dipancang dengan ayat keterangan sebelumnya (+*sesungguhnya kamu akan dibangkitkan pada hari ketika tiupan pertama menggoncangkan alam*). Penambahan struktur baharu ini dikenali sebagai ayat majmuk pancangan keterangan dengan menggunakan kata penghubung waktu (*pada*) untuk menjelaskan waktu suatu kejadian (Nik Safiah Karim et al. 2016: 255)⁴⁸.

Perbezaan kedua-dua pendekatan tersebut tidak mempengaruhi teks sasaran. Perkara ini kerana sistem tatabahasa *qasm* dalam bahasa sumber dengan kata sumpah dalam bahasa sasaran adalah saling berbeza antara satu sama lain. Berlainan dengan bahasa sasaran, perbincangan kata sumpah dalam bahasa sumber adalah lebih meluas dengan melibatkan perbincangan rukun *qasm* dan partikel *qasm* yang terperinci.

Penentuan Leksikal

Operasi penentuan leksikal eksplisitasi dapat dikenal pasti apabila makna umum bahasa sumber digantikan dengan makna lebih khusus dalam bahasa sasaran. Analisis mencatatkan sebanyak tujuh data kajian yang mempunyai ciri operasi penentuan leksikal. Berikut merupakan salah satu data dalam operasi penentuan leksikal.

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا سُبْحٰنَهُ بَلْ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ

(Surah *al-Anbiyā'* 21: 26)

T.1 Versi Terjemahan Al-Kamil

Dan mereka berkata, "(Allah) Yang Maha Pemurah mempunyai anak." Maha Sucilah Dia. Bahkan **mereka yang dikatakan menjadi anak Allah itu ialah hamba-hamba-Nya yang dimuliakan.**

T.2 Versi Terjemahan Al-Hidayah

Dan mereka berkata: "Tuhan yang Maha Pemurah telah menjadikan (malaikat) sebagai anak". Maha Suci Allah. Sebenarnya **(malaikat- malaikat itu) adalah hamba-hamba yang dimuliakan.**

Ayat ini menafikan dakwaan kaum musyrikin bahawa Allah SWT memiliki anak. Data *tjāz* terletak pada frasa “عباد مكرمون” yang digugurkan elemen *mubtada'* atau kata subjek di awalnya iaitu “هم” (*mereka*) (al-Sayyid al-Husaini, 2007; Hassan Abbas, 2004)^{38,40}.

Kata subjek yang digugurkan dalam teks sumber telah dipamerkan dalam kedua-dua versi terjemahan. Terjemahan satu menterjemahkan frasa “عباد مكرمون” kepada “(mereka yang dikatakan menjadi anak Allah itu) ialah hamba-hamba-Nya yang dimuliakan”, manakala terjemahan dua memberi makna “(malaikat- malaikat itu) adalah hamba-hamba yang dimuliakan”. Terjemahan satu tidak mengkhususkan kepada golongan tertentu, sebaliknya memilih makna umum dengan menjadikan pola ayat pasif “*mereka yang dikatakan menjadi anak Allah itu*”. Sementara terjemahan dua pula mengkhususkan kata subjek yang digugurkan kepada kata nama golongan “*malaikat*”.

Makna elipsis dalam data ini pada hakikatnya boleh merujuk makna yang lebih luas sama ada golongan malaikat, al-Masih Isa a.s., ataupun Uzair (Abu Hayyan al-Andalusi: 1993)⁴⁹. Walau bagaimanapun versi terjemahan dua telah memilih operasi penentuan leksikal dengan menjadikan frasa umum yang asalnya berbentuk implisit dalam bahasa sumber (عباد مكرمون) digantikan dengan makna yang lebih khusus dalam bahasa sasaran (+malaikat-malaikat itu adalah hamba-hamba yang dimuliakan).

Penentuan Tatabahasa

Operasi penentuan tatabahasa eksplisitasi dapat dikenal pasti apabila tatabahasa yang sebelumnya tidak ditentukan secara jelas dalam teks sumber kemudiannya digantikan kepada tatabahasa MJSSH 2024; 8(1)

husus dalam teks sasaran. Analisis kajian menunjukkan terdapat satu data melibatkan operasi penentuan tatabahasa. Berikut merupakan data dalam operasi penentuan tatabahasa.

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ النَّرَاقِي

(Surah *al-Qiyāmah* 75: 26)

T.1 Versi Terjemahan Al-Kamil

Jangan sekali-kali! Apabila **(nyawa)** telah sampai ke pangkal kerongkong.

T.2 Versi Terjemahan Al-Hidayah

Tidak! Apabila **(nyawa)** telah sampai ke kerongkongan.

Konteks ayat menceritakan situasi ketika roh atau nyawa hendak dicabut daripada tubuh. Ayat ini telah digugurkan kata pelaku dan digantikan dengan nama diri ketiga untuk feminin atau disebut *dhomīr ta' ta'nīth* (بلغت) yang merujuk makna “النفس” bermaksud roh atau nyawa (al-Sayyid al-Husaini, 2007; Hassan Abbas, 2004)^{38,40}.

Kata kerja “بلغت” dalam kedua-dua versi terjemahan diterjemahkan kepada “nyawa telah sampai”. Susunan terjemahan ayat ini terdiri daripada tiga unsur, iaitu subjek (*nyawa*), kata bantu aspek perbuatan masa (*telah*) dan kata kerja transitif (*sampai*). Unsur kedua tersebut adalah terjemahan daripada *dhomīr tā' ta'nīth* yang terdapat dalam kata kerja (بلغت), begitu juga unsur ketiga yang berdasarkan makna kata kerja tersebut. Adapun unsur pertama, iaitu kata subjek (*nyawa*) tidak terdapat dalam teks sumber dan berbentuk makna implisit.

Operasi ini merupakan penentuan tatabahasa dengan menjadikan tatabahasa sumber yang asalnya berbentuk implisit, iaitu kata pelaku di *dhomīr tā' ta'nīth* (بلغت) ditentukan kepada tatabahasa berbentuk kata subjek dalam bahasa sasaran (+*nyawa telah sampai* ...). Meskipun kalimat “nyawa” tidak disebut secara jelas dalam teks sumber, penambahan kata subjek ini adalah berikutan makna pragmatik dalam wacana ayat yang berkisar tentang situasi kematian seseorang (Surah *al-Qiyāmah*: 26-30).

Pembahagian Leksikal

Operasi pembahagian leksikal eksplisitasi dapat dikenal pasti apabila makna satu unit dalam bahasa sumber dibahagikan kepada beberapa unit makna dalam bahasa sasaran. Unit bahasa merupakan satu perkataan yang dapat membentuk frasa atau unit bahasa yang lebih besar. Analisis kajian menemukan sejumlah dua data yang berkait dengan operasi pembahagian leksikal. Berikut merupakan salah satu daripada data dalam operasi pembahagian leksikal.

لِلَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدُ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ

(Surah *al-Rūm* 30: 4)

T.1 Versi Terjemahan Al-Kamil

Bagi Allahlah segala urusan (pertolongan) **sebelum dan selepas berlakunya peristiwa itu**. Pada ketika berlakunya (kemenangan Rom) itu, orang yang beriman akan gembira.

T.2 Versi Terjemahan Al-Hidayah

Bagi Allah jualah urusan **sebelum dan setelah (kemenangan)**. Dan pada hari (kemenangan bangsa Rom) itu bergembira orang yang beriman.

Konteks ayat menceritakan kemenangan yang diraih bangsa Rom setelah kekalahan mereka. Gaya bahasa *ījāz* dalam data ini terletak pada dua huruf *zarf* (بَعْدُ / قَبْلُ) yang mengandung makna implisit “ومن بعده من قبل الغلب” (sebelum kemenangan dan sesudahnya) (al-Maydani, 1996; al-Sayyid al-Husaini, 2007; Hassan Abbas, 2004; Fayud, 1998; Lashin, 2002)^{42,38,40,41,39}.

Dalam tatabahasa Arab, kaedah pengguguran frasa sesudah *zarf* boleh digantikan dengan baris tertentu yang mengisyaratkan makna pengguguran. Kaedah ini diaplikasikan dalam ayat di atas apabila kedua-dua *zarf* (بَعْدُ / قَبْلُ) mempunyai baris tetap (*mabnī*) dengan tanda *dhommah* yang mengisyaratkan pengguguran *mudhāf ilāih* pada lafaz dan tidak pada makna (Abu Hayyan al-Andalusi, 1993)⁴⁹.

Terjemahan satu menterjemahkan makna implisit sesudah kata *zarf* kepada “*sebelum dan selepas +berlakunya peristiwa itu*”, sementara terjemahan dua pula “*sebelum dan setelah +(kemenangan)*”. Operasi eksplisitasi kedua-dua versi terjemahan merupakan pembahagian leksikal dengan membahagikan satu unit makna dalam bahasa sumber (*kata zarf*) kepada dua unit makna dalam bahasa sasaran dengan menambah kata nama (*peristiwa / kemenangan*) selepas unit kata *zarf*.

Operasi Lain

Kajian menemukan sebilangan data yang mempunyai ciri eksplisitasi selain yang dikemukakan oleh Klaudy dan Károly (2005)⁷, malah sebilangan data juga mempunyai lebih daripada satu ciri operasi pemindahan. Operasi yang ditemukan ialah pengulangan leksikal dan penambahan elemen dialog.

a)

وَوَعَدْنَا مُوسَى ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَّمْنَاهَا بِعَشْرٍ

(Surah *al-A'rāf* 7: 142)

T.1 Versi Terjemahan Al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan Al-Hidayah
Dan Kami telah menjanjikan masa kepada Musa (untuk memberikan Taurat) selama 30 malam serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi .	Dan telah Kami janjikan kepada Musa (memberikan Taurat) sesudah berlalu waktu tiga puluh malam dan Kami sempurnakan jumlah malam itu dengan sepuluh (malam lagi) .

Ayat ini mengisahkan tempoh masa yang telah dijanjikan oleh Allah SWT kepada Nabi Musa a.s. sebelum diturunkan kitab Taurat. Bentuk peringkasan atau *ījāz* dalam data ini terletak pada frasa “وأتممناها بعشر” yang digugurkan kata “ليال” (*malam*) (al-Hashimi, 1999; al-Sayyid al-Husaini, 2007; Fayud, 1998; Lashin, 2002)^{43,38,41,39}.

Kedua-dua versi terjemahan mengambil pendekatan yang sama dengan menambah perkataan “+*malam*” setelah kata bilangan “عشر - *sepuluh*” yang terdapat dalam ayat. Walau bagaimanapun versi terjemahan satu tidak menampilkan tanda kurungan bagi membezakan antara terjemahan ayat dengan makna elipsis ayat yang dimasukkan dalam teks sasaran.

Kata “ليال” yang digugurkan pada penghujung ayat boleh dikenal pasti secara mudah kerana wujud petunjuk pada perkataan sebelumnya yang mengisyaratkan makna sedemikian “ثلاثين”
MJSSH 2024; 8(1) page | 78

ليلة” dengan merujuk 30 malam ditambah dengan 10 malam yang lain (Abu Hayyan al-Andalusi, 1993)⁴⁹. Berdasarkan perkara tersebut, operasi pemindahan dalam data ini merupakan pengulangan leksikal yang bercirikan pengulangan semula kata teks sumber (ثَلَاثِينَ لَيْلَةً) ke dalam teks sasaran (*tiga puluh malam ... sepuluh +malam lagi*).

b)

إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ سَلَّمَ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ

(Surah *al-Dhariyāt* 51: 25)

T.1 Versi Terjemahan Al-Kamil	T.2 Versi Terjemahan Al-Hidayah
Ketika mereka masuk mendapatkannya lalu memberi salam dengan berkata, " Salam sejahtera kepadamu. " Dia menjawab, " Salam sejahtera kepada kamu. " (Sambil berkata dalam hati), "Mereka ini orang yang tidak dikenali."	(Ingatlah) ketika mereka masuk ke tempatnya lalu mengucapkan: " Salam sejahtera kepadamu " Ibrahim menjawab: " Salam sejahtera kepada kamu. " (Sambil berkata dalam hati): Mereka ini orang yang tidak dikenali.

Ayat ini menceritakan situasi kedatangan tetamu Nabi Ibrahim a.s. dan dialog antara mereka. Bentuk peringkasan dalam ayat ini boleh diperhatikan pada dua sudut. Pertama, kata “سَلَامًا” (salam sejahtera) merupakan ucapan salam daripada tetamu Nabi Ibrahim a.s. yang pada asalnya “تَسَلَّمْ عَلَيْكَ سَلَامًا” (kami menyampaikan salam kepada kamu). Kedua, jawapan balas Nabi Ibrahim a.s. kepada tetamunya “سَلَّمَ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ” yang pada asalnya “سَلَامٌ عَلَيْكُمْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ” (salam sejahtera kepada kamu wahai kaum yang tidak dikenali). Kedua-dua gaya bahasa dalam teks sumber ini bertujuan untuk meringkaskan dan meringankan ujaran komunikasi yang bersifat umum (al-Maydani, 1996; al-Sayyid al-Husaini, 2007)^{42,38}.

Kedua-dua bentuk implisit ini memberi implikasi semasa proses pemindahan teks sumber kepada teks sasaran. Pertama, kata “سَلَامًا” diterjemahkan kepada “*salam sejahtera kepadamu*” dalam kedua-dua versi terjemahan. Bentuk terjemahan ini telah memasukkan kata sendi (+*kepada*) dan kata ganti nama diri orang kedua (+*mu*). Demikian juga jawapan balas “سَلَّمَ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ” yang diterjemahkan kepada “*dia menjawab ‘salam sejahtera kepada kamu’*”.

Kedua, frasa “قَوْمٌ مُنْكَرُونَ” turut mengalami penambahan makna apabila kedua-dua penterjemah menterjemahkan kepada “(+*sambil berkata dalam hati*), (+*mereka ini orang yang tidak dikenali*)”. Bentuk terjemahan ini telah menambah kata hubung gabungan (+*sambil berkata dalam hati*) dan kata ganti nama diri orang ketiga (+*mereka*) yang diletakkan sebagai subjek kepada frasa “قَوْمٌ مُنْكَرُونَ”.

Kata hubung gabungan “*sambil*” berfungsi sebagai penghubung antara dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya (Nik Safiah Karim et al., 2015: 251)⁴⁷. Dalam konteks ayat, perkataan “*sambil*” diletakkan sebagai penghubung antara ayat sebelumnya “*salam sejahtera kepada kamu*” dengan selepasnya “*berkata dalam hati*”. Penambahan elemen ini bertepatan dengan pandangan beberapa orang mufasirin yang menyatakan bahawa ucapan tersebut hanyalah sekadar ungkapan dalam hati Nabi Ibrahim a.s. (Abu Hayyan al-Andalusi, 1993)⁴⁹.

Operasi pemindahan dalam kedua-dua versi terjemahan ini boleh disimpulkan kepada dua operasi. Pertama, penambahan elemen dialog pada kata terbitan (سَلَّمَ) yang diterjemahkan menjadi struktur lengkap dialog perbualan (+salam sejahtera kepadamu). Kedua ialah pengembangan MJSSH 2024; 8(1)


tatabahasa dengan menjadikan frasa teks sumber (قوم منكرون) ditingkatkan kepada bentuk klausa dalam teks sasaran (+sambil berkata dalam hati: “mereka ini orang yang tidak dikenali”). Pendekatan ini adalah hasil daripada penyesuaian teks bahasa sasaran dengan konteks perbualan atau penceritaan yang terjadi antara Nabi Ibrahim a.s. dengan tetamunya.

Perbincangan

Hasil analisis eksplisitasi mendapati terdapat enam operasi pemindahan standard Klaudy dan Károly (2005)⁷ yang digunakan dalam teks bahasa sasaran. Operasi yang dimaksudkan ialah penentuan leksikal, pembahagian leksikal, penambahan leksikal, penentuan tatabahasa, pengembangan tatabahasa dan penambahan tatabahasa.

Kajian juga menemukan sebilangan data turut mempunyai lebih daripada satu ciri operasi pemindahan. Perkara ini sama sebagaimana analisis yang dijalankan oleh Rose 'Afidah Md Taib (2019)¹⁹ yang menunjukkan bahawa terdapat dua atau lebih strategi eksplisitasi yang digunakan dalam pemindahan sesuatu ungkapan.

Bilangan operasi Klaudy dan Károly (2005)⁷ berdasarkan hasil penemuan kajian dapat dipaparkan seperti berikut:



Rajah 3. Dapatan operasi pemindahan eksplisitasi kajian

Teknik penambahan leksikal merupakan operasi pemindahan yang sering dipraktikkan dalam data kajian berbanding dengan operasi-operasi yang lain. Jumlah ketara operasi ini ialah suatu perkara yang wajar kerana teknik penambahan leksikal mempunyai perkaitan rapat dengan kajian eksplisitasi yang berkisar tentang penambahan makna dalam teks terjemahan. Kekekapan penggunaan operasi penambahan leksikal dalam kajian ini juga didorong oleh skop kajian yang tertumpu kepada soal pengguguran makna (*ījāz al-ḥadhf*).

Lazimnya, operasi penambahan leksikal dalam kajian ini dilakukan bertujuan untuk penyesuaian makna dengan tatabahasa ayat, penyesuaian makna dengan konteks pengujaran dan

penyesuaian makna dengan interpretasi ayat serta untuk meningkatkan tahap kebolehbacaan (*readability*) pembaca terhadap teks bahasa sasaran. Penambahan yang bertujuan meningkatkan tahap kohesi atau kesinambungan ayat ini lebih tampak apabila melibatkan teks sumber yang bercirikan ayat naratif. Bentuknya yang berlatarkan jalan penceritaan menjadikannya bebas untuk diterjemahkan.

Penambahan elemen linguistik dalam teks terjemahan tidak semestinya menjadikan makna teks kelihatan lebih jelas (Heltai, 2005)¹⁷. Setiap maklumat luar yang dimasukkan oleh penterjemah perlu didasari oleh justifikasi yang kukuh. Pada masa yang sama, pembaca juga perlu menyedari bahawa penterjemah dalam sesetengah situasi tidak sewenang-wenangnya menambah sesuatu leksikal tanpa didorong oleh sebab tertentu. Dalam proses penterjemahan teks, pelbagai aspek seperti budaya, falsafah, linguistik, ideologi, sejarah, sastera, jantina, media dan politik perlu dipertimbangkan dan seringkali aspek-aspek ini muncul secara serentak (Suzani, 2023)¹⁶.

Séguinot (1988: 106)⁵⁰ menegaskan bahawa eksplisitasi tidak semestinya membawa kepada kelewahan teks. Eksplisitasi juga dilihat berkemungkinan terjadi disebabkan perubahan antara dua gaya bahasa yang mendorong penggunaan kata yang lebih khusus (Idris Mansor, 2021: 3)²¹.

Sementara itu, operasi penambahan leksikal adalah berbeza dengan operasi pembahagian leksikal. Operasi pertama terjadi apabila wujud elemen makna baharu dalam teks bahasa sasaran. Operasi kedua pembahagian leksikal pula terjadi daripada pecahan satu unit dan tidak membawa makna leksikal baharu dalam teks bahasa sasaran. Dalam hal ini, Klaudy dan Károly (2005: 16)⁷ memberikan contoh pembahagian leksikal melalui pemindahan makna unit kata kerja daripada bahasa Hungarian kepada bahasa Inggeris yang mengundang penambahan unit makna (*megszólalt* → *began to speak*). Perkara yang sama juga berlaku dalam data kajian apabila satu unit makna bahasa sumber (*ħarf zarf*) dibahagikan kepada dua unit makna dalam bahasa sasaran (*kata bantu aspek + kata nama*).

Tidak seperti operasi penambahan dan pembahagian leksikal, operasi penentuan leksikal pula berbeza kerana cirinya yang tertumpu pada pengkhususan makna dan bukan pada peningkatan jumlah leksikal. Sebahagian besar data operasi penentuan leksikal menunjukkan bahawa penterjemah telah membataskan “*keupayaan*” makna luas teks sumber kepada makna yang lebih “*sempit*” atau lebih khusus. Makna teks sumber yang asalnya boleh ditanggapi dari beberapa sudut kemudiannya berubah menjadi satu makna yang terhad dalam teks bahasa sasaran.

Selain operasi pemindahan Klaudy dan Károly (2005)⁷, kajian juga menemukan operasi lain dalam strategi eksplisitasi, iaitu pengulangan leksikal. Pengulangan boleh terjadi sama ada pada pengulangan perkataan yang sama atau maksud yang sama diulang. Gaya pengulangan atau disebut Za’ba (2002)⁵¹ sebagai bahasa berulang dalam konteks kajian ini digunakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehbacaan pembaca melalui susunan kata yang lebih mudah difahami, sekali gus mengelakkan ketampakan yang janggal dalam sistem binaan bahasa Melayu. Operasi ini lazimnya kurang disedari dalam teks bahasa sasaran kerana leksikal penambahannya yang merupakan sebahagian daripada isi teks dan bukannya suatu makna yang asing.

Kajian juga menemukan operasi pemindahan lain dalam strategi eksplisitasi, iaitu penambahan elemen dialog dalam teks bahasa sasaran. Operasi ini dapat dikenal pasti apabila
MJSSH 2024; 8(1) page | 81

wujud penambahan elemen bahasa yang tidak mendukung makna baharu dalam teks bahasa sasaran. Jenis operasi ini adalah cenderung kepada bentuk naratif yang cuba dipersembahkan dalam teks terjemahan dan terdiri daripada ujaran umum komunikasi.

Kesimpulan

Daripada keseluruhan operasi eksplisitasi tersebut, penambahan leksikal adalah operasi yang sering dipraktikkan dalam teks terjemahan kajian. Hal demikian kerana teknik penambahan leksikal mempunyai perkaitan rapat dengan kajian eksplisitasi yang berkisar tentang penambahan makna dan didorong oleh skop kajian yang tertumpu kepada pengguguran makna (*ījāz al-ḥadhf*).

Operasi eksplisitasi yang dapat dikesan dengan ketara pula ialah operasi pengembangan tatabahasa. Ciri operasinya yang berbentuk perubahan frasa kepada klausa menjadikan teknik operasi ini dapat dikesan dengan mudah dalam teks terjemahan.

Kajian juga menemukan dua operasi pemindahan baharu dalam strategi eksplisitasi selain apa yang telah dikemukakan oleh Klaudy dan Károly (2005)⁷. Dua operasi yang dimaksudkan ialah pengulangan leksikal dan penambahan elemen dialog.

Memandangkan analisis kajian ini terbatas kepada terjemahan berdasarkan ruang lingkup gaya retorik *ījāz* serta elemen bahasa yang bersangkutan dengannya. Oleh itu, kajian ini menyarankan satu kajian lanjutan yang dapat mengambil kira makna implisit dalam skop yang lebih besar dan tidak terikat dengan sesuatu gaya bahasa. Contohnya analisis yang menjurus kepada wacana berbentuk teks naratif, perundangan, laporan dan sebagainya.

Signifikan skop eksplisitasi menjadi parameter kukuh dalam menilai sesuatu terjemahan yang dihasilkan (Suzani, 2023)¹⁶. Kajian sebegini berupaya memberi pendedahahan tentang kecenderungan penterjemah teks Arab-Melayu dalam berinteraksi dengan makna implisit khususnya dari aspek pemindahan gaya bahasa Arab.

Kajian juga berpandangan bahawa hasil terjemahan eksplisitasi tidak wajar dibataskan kepada skop terjemahan betul dan terjemahan salah. Hal demikian kerana kesesuaian sesuatu strategi adalah bergantung kepada pelbagai aspek termasuklah pemilihan makna, konteks ayat dan skop tatabahasa. Namun hasil kajian ini berperanan mengetengahkan beberapa teknik eksplisitasi yang berpotensi untuk digunakan dalam pemindahan bentuk implisit ayat.

Kajian ini membolehkan penterjemah menjangkakan situasi yang akan dihadapi dalam proses penterjemahan makna implisit dan bentuk-bentuk pendekatan yang boleh diambil. Sekali gus menyuntik sikap berhati-hati penterjemah serta pembaca berhubung setiap penambahan kata yang terdapat dalam teks sasaran. Hasil kajian diharap boleh menjadi antara penyumbang dalam usaha memelihara kualiti terjemahan pada masa akan datang khususnya dari aspek terjemahan gaya bahasa *ījāz* dalam teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu.

Rujukan

1. Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative Stylistics of French and English: a Methodology for Translation*. Amsterdam: Benjamins Pub. Co.
2. Nida, E. A. (1964). *Towards a Science of Translating*. Leiden: Brill.
3. Murtisari, E. T. (2013). A Relevance-based Framework for Explication and Implication in Translation. *Trans-Kom*, 6(2), 315–344.
4. Mansour, A., Al-Sowaidi, B., & Mohammed, T. A. S. (2014). Investigating Explication in Literary Translation from English into Arabic. *International Journal of Linguistics and Communication*, 2(3), 97–125.
5. Susini, M. (2020). Overcoming Implicit Meaning in Indonesian-English Translation. *Retorika: Jurnal Ilmu Bahasa*, 6(1), 63–68.
6. Larson, M. L. (1984). *Meaning-Based Translation: a Guide to cross- language equivalence*. New York: University Press of Amerika.
7. Klaudy, K., & Károly, K. (2005). Implication in Translation: Empirical Evidence for Operational Asymmetry in Translation. *Across Languages and Cultures*, 6(1), 13–28.
8. Krüger, R. (2013). A Cognitive Linguistic Perspective on Explication and Implication in Scientific and Technical Translation. *Trans-Kom*, 6(2), 285–314.
9. Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2015). *Analisis makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku “rihlah ibnu battutah” ke bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
10. Abdussalam, A. S. (1999). Tarjamah al-maa’nī al-thāniah fī al-nuṣūṣ al-Qurāniah ila al-lughah al-injilīziah. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-7*, 360–385.
11. Majdi Ibrahim, & Saupi Man. (2008). Kaedah Penterjemahan Struktur Ayat Balaghah di dalam al-Quran. dalam Abdullah Hassan, Hasuria Che Omar, Dahlina Daut Mohamad, & Sa’odah Abdullah (Eds.), *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu* (pp. 234–245). Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
12. Akmal Khuzairy Abd. Rahman. (2016). Perbezaan Status Terjemahan al-Qur’an Berbanding dengan Teks Asalnya dari Perspektif Pengkajian Terjemahan Moden. *Jurnal Penterjemah, Dis*(2), 19–39.
13. Demir, C. (2019). Writing Intelligible English Prose: Conciseness vs. Verbosity. *Söylem Filoloji Dergisi*, 4(2), 482–505.
14. Aziz, S., Kashif, M., & Aijaz, M. (2016). English Grammar Problems Seen in the Original Articles Submitted for Publication in Annals of Abbasi Shaheed Hospital and Karachi Medical and Dental College. *Journal of the College of Physicians and Surgeons Pakistan*, 26(8), 681–684.
15. Raoufkazemi, F., Khorsand, M., Asl, M. P. & Amirdabbaghian, A. (2020). Expertise and Explication in English Translations of the Holy Quran. *3L: Language, Linguistics, Literature*, 26(3), 154–169.
16. Suzani, S. M. (2023). Explication in the English Translation of the First 13 Surahs of Part (Juz) 30 of the Holy Qur’ān. *International Journal of Textual and Translation Analysis in Islamic Studies*, 1(1), 1–22.
17. Heltai, P. (2005). Explication, Redundancy, Ellipsis and Translation. dalam Károly, K. & Fóris, Á. (eds.) *New Trends in Translation Studies* (pp. 45-74). Budapest: Akadémiai Kiadó.
18. Salmi Abdul Shukor, Taj Rijal Romli, & Mohamed, A. (2020). Analisis Makna Eksplisit Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu dalam Buku Kalilah wa Dimnah. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(4), 79–89.

19. Rose 'Afidah Md Taib. (2019). *Strategi pengeksplisitan dalam terjemahan novel ustaz ke bahasa Arab*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan.: Universiti Putra Malaysia.
20. Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman, & Abur Hamdi Usman. (2019). Terjemahan Ayat Mutashabihat: Analisis Fungsi Prosedur Eksplisitasi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 154–170.
21. Idris Mansor. (2021). Explication in the Intercultural Communication of Technical Culture in Arabic-Malay Translation of Rihlat Ibn Battuta. *Journal of Intercultural Communication Research*, 00(00), 1–15.
22. Pápai, V. (2004). Explication: A Universal of Translated Text? dlm. A. Mauranen & P. Kujamaki (Eds.), *Translation Universal, do They Exist?* (pp. 143–164). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
23. Metsenaere, H. De, & Vandepitte, S. (2017). Towards a Theoretical Foundation for Explication and Implication. *Trans-Kom*, 10(3), 385–419.
24. Pym, A. (2005). Explaining Explication. dalam Klaudy, K., Károly, K. & Fóris, Á. (Eds.), *New Trends in Translation Studies: in Honour of Kinga Klaudy*. (pp. 29–43). Budapest: Akadémiai Kiadó.
25. Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman, Norfazila Ab. Hamid, & Murni Syakirah Musa. (2017). Terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu: Tinjauan terhadap Kata Panggilan Kekeluargaan. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa*, 4(1), 160–172.
26. Al-Jarim, A., & Amin, M. (1999). *al-Balāghah al-Wāḍiḥah*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
27. Azman Che Mat. (2018). *Ilmu al-Ma'ani dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
28. Mohd. Zaki Abd. Rahman, & Che Radiah Mezaj. (2013). *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab: Satu Pengenalan dalam Ilmu Ma'ani*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
29. Abdul Wahid Salleh, Mohd Shaifulbahri Abdullah, Lazim Omar, Ahmad Zubaidi A. Latif, Nashaat Abdel Aziz Baioumy & Roslan Abd Rahman. (2016). *Al-Balāghah al-Wāfiyah*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
30. Ahmad Khan, Israr. (2017). “Qur’anic Interpretation and Phenomenon of Ellipsis and Brevity: a Critical Analysis.” *Jurnal of Islam in Asia* 14(1), 159-78.
31. Blum-Kulka, S. (1986). Shifts of Cohesion and Coherence in Translation. dalam J. House & S. Blum-Kulka (Eds.), *Interlingual and Intercultural Communication: Discourse and Cognition in Translation and Second Language Acquisition Studies* (pp. 17–35). Tübingen: G. Narr.
32. Hjort-Pedersen, M. & Faber, D. (2010). Explication and Implication in Legal Translation: A Process Study of Trainee Translators. *Meta*, 55(2), 237–250.
33. Mukhlis Rosli, Nasimah Abdullah, & Lubna Abd Rahman. (2021). Kritikan terhadap Hipotesis Pengeksplisitan: Penelitian Hipotesis Blum-Kulka dalam Terjemahan. *The Muallim Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(2), 126–136.
34. Becher, V. (2010). Abandoning the Notion of “Translation-Inherent” Explication: Against a Dogma of Translation Studies. *Across Languages and Cultures*, 11(1), 1–28.
35. Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. United Kingdom: Oxford University Press.
36. Piaw, C. Y. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
37. Ahmad Sunawari Long. (2022). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Cet. ke-5). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
38. al-Sayyid al-Husaini, S. I. (2007). *Asālib al-Ma'ānī fī al-Qur'ān al-Karīm*. Iran: Muassasah

- Bustan.
39. Lashin, A. F. (2002). *al-Ma'āni fī Daw Asalīb al-Qurān al-Karīm*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
 40. Hassan Abbas, F. (2004). *al-Balāghah Funūnuha wa Afnānuha: I'lm Ma'ānī*. Amman: Dar al-Furqan.
 41. Fayud, B. A. F. (1998). *Ilm al-Ma'ānī Dirāsah Balāghiah wa-Naqdiah li-Masāil al-Ma'ānī*. Kaherah: Muassah al-Mukhtar.
 42. Al-Maydani, A. R. (1996). *al-Balāghah al-'Arabiah Ususuhā wa 'Ulūmuhā wa Funūnuhā*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
 43. Al-Hashimi, S. A. (1999). *Jawāhir al-Balāghah fī al-Ma'ani wa al-Bayān wa al-Badī'*. Beirut: Kaherah: Maktabah al-'Asriyyah.
 44. Kamus Besar Dewan Arab-Melayu. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 45. Ali, A., Brakhw, M. A., Nordin, M. Z. F., & ShaikIsmail, S. F. (2012). Some Linguistic Difficulties in Translating the Holy Quran from Arabic into English. *International Journal of Social Science and Humanity*, 2(6), 588–590.
 46. Al-Zamakhsyari, Qasim Jārullah Mahmud Ibn Umar. (2009). *Al-Kasyyāf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'Wīl*. Ed. Ke-3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
 47. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Ed. Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 48. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood Muhammed Salehudin Aman & Abdul Ghalib Yunus. (2016). *Tatabahasa Dewan: Sintaksis Edisi Sekolah Menengah*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 49. Abu Hayyan al-Andalusi, M. Y. (1993). *al-Tafsīr al-Bahr al-Muḥīt*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
 50. Séguinot, C. (1988). Pragmatics and the Explication Hypothesis. *TTR : Traduction, Terminologie, Rédaction*, 1(2), 106–113.
 51. Za'ba, Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.